

|                      |                                       |                    |                                        |
|----------------------|---------------------------------------|--------------------|----------------------------------------|
| <b>TARIKH</b>        | 4 JULAI 2025 (JUMAAT)                 | <b>SURATKHABAR</b> | BH / <b>UM</b> / NST / TS / HM / KOSMO |
| <b>TAJUK ARTIKEL</b> | PENYELIDIK USIM, UKM HASIL UBAT KUMUR |                    |                                        |
| <b>M/S</b>           | 28 (DALAM NEGERI)                     | <b>KATA KUNCI</b>  | USIM, UKM, RESEARCH                    |
| <b>BIDANG</b>        | SCIENCE AND TECHNOLOGY                |                    |                                        |

## Penyelidik USIM, UKM hasil ubat kumur

**PUTRAJAYA:** Siapa sangka madu kelulut tempatan boleh dijadikan produk kumur klinikal dan terbukti mampu mengawal pembentukan plak gigi.

Lebih membanggakan, produk itu dibangunkan hasil kepakaran penyelidik universiti tempatan dan ia bakal memasuki pasaran tempatan dalam tempoh enam hingga sembilan bulan akan datang.

Tiga pensyarah Fakulti Pergigian Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), seorang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan dua graduan USIM adalah tulang belakang yang membangunkan produk itu.

Ketua penyelidik yang juga pensyarah Fakulti Pergigian USIM, Dr. Nur Ayman Abdul Hayei berkata, pihaknya berjaya menguji keberkesanan ubat kumur berasaskan madu kelulut dan ia mampu mengawal pembentukan plak gigi.

Beliau berkata, kajian mendapati, madu kelulut memiliki ke-



**DR. Nur Ayman Abdul Hayei (kiri) dan Dr. Misya Humaira menunjukkan produk ubat kumur klinikal berasaskan madu kelulut yang dihasilkan.**

san antibakteria dan antiradang (anti-inflammatory) yang tinggi.

“Keberkesanan ubat kumur ini diuji menerusi kajian klinikal selama hampir setahun dengan kerjasama syarikat Bayu Kelulut (M) Sdn. Bhd. dan dibiayai melalui geran Biduni Mizaniyah USIM.

“Kajian ini adalah yang pertama seumpamanya dalam indus-

tri kelulut negara yang berjaya dibuktikan secara saintifik melalui kajian klinikal yang sah,” katanya ditemui baru-baru ini.

Selain Dr. Nur Ayman, kajian ini turut disertai Dr. Muhammad Annurudin Sabarudin dan Dr. Nor Haliza Mat Baharin dari Fakulti Pergigian USIM; serta Dr. Nik Madiah Nik Azis dari UKM.

Dua penyelidik lagi adalah graduan Fakulti Pergigian USIM, iaitu Dr. Humaira Reduan dan Dr. Nor Suhaira Zulkiflee.

Menurut Dr. Ayman, antara cabaran utama dalam kajian tersebut ialah mendapatkan 30 sukarelawan yang memiliki gusi sihat serta bersedia mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sepanjang tempoh kajian.

“Peserta diminta berkumur dengan produk selama dua minit, dua kali sehari selama tiga hari tanpa memberus gigi. Ubat kumur ini mengandungi 20 peratus madu kelulut yang dicampur air suling. Tujuannya untuk menentukan kepekatan minimum yang berkesan membunuh bakteria dalam plak.

“Hasil kajian mendapati, peserta lebih selesa menggunakan ubat kumur berasaskan madu kelulut kerana tidak terasa pedas seperti klorheksidin. Mereka juga lebih menyukainya berbanding produk sedia ada di pasaran,” katanya.

**DISEDIAKAN  
OLEH**

**1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM**